

# Hak ketua cabang zahir sokongan

Oleh DIANA AZIS

pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 5 OGOS

**K**ETUA cabang PKR di seluruh negara mempunyai hak untuk menzahirkan sokongan kepada Presiden parti, Datuk Seri Anwar Ibrahim melalui cara tersendiri, termasuk kaedah mengumpul tanda tangan.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, adalah menjadi lumrah dalam politik apabila terdapat ahli yang mahu menyatakan sokongan terhadap pemimpin melalui cara tertentu.

"Apabila ada sejumlah ketua cabang mahu menyatakan sokongan kepada presiden, itu lumrah kerana dalam berpolitik, ini (perkara) biasa, ada sokong, ada tak sokong."

"Pilihan ketua cabang menzahirkannya (mengumpul tanda tangan di peringkat cabang), pada saya tidak mengapalah, kita biar proses itu, (kumpul tanda tangan) bukanlah menjejaskan ekonomi negara," katanya dalam sidang akhbar selepas hadir sesi dialog menteri bersama belia di sini hari ini.

Beliau mengulas kenya-taan Ketua Wanita PKR, Haniza Mohamed Talha hari ini yang dilaporkan berkata, tindakan



SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL ketika sesi dialog bersama menteri di Dewan Serbaguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFUF

yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata, PKR merupakan parti demokratik dan beliau tidak mahu meremehkan kebijaksanaan ketua cabang

Mengulas lanjut, Saifuddin mengumpul tanda tangan pemimpin parti di peringkat cabang di seluruh negara bagi menyokong kepemimpinan Anwar sebagai membuang masa.

kerana mereka tahu signifikan tindakan tersebut. Menerusi laporan sebuah portal, Haniza dipetik berkata, perbuatan mengambil tanda tangan tidak menyatukan, ma-

"Apabila ada sejumlah ketua cabang mahu menyatakan sokongan kepada presiden, itu lumrah kerana dalam berpolitik, ini (perkara) biasa, ada sokong, ada tak sokong."

SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL

lah menimbulkan kekeliruan dalam kalangan ahli akar umbi.

Semalam Ketua Cabang PKR Kangar, Noor Amin Ahmad mendakwa lebih 90 peratus atau 197 daripada 219 ketua cabang parti di seluruh negara menyokong kepemimpinan Anwar dan menafikan berlaku perpecahan dalam parti itu.

Amin mendakwa, semua ketua cabang itu telah dihubungi dan tandatangan pengesahan mereka turut diperoleh berdasarkan perakuan mereka yang menandatangani resolusi Majlis Pemukiman Pimpinan PKR di Port Dickson pada 21 Julai lalu.